

Kesan Remaja Melepak

(part 3)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

Masalah remaja melepak juga boleh merosakkan akhlak dan kehidupan remaja di mana ia akan menyebabkan nilai hidup remaja menurun. Seperti yang dibincangkan di atas, remaja lebih cenderung untuk melakukan tingkahlaku negatif seperti terjebak dengan pengambilan dadah. Lebih membimbangkan lagi, ia boleh menyumbang kepada salahlaku remaja yang boleh menyebabkan kes juvana. Ia akan memberi kesan yang besar terhadap masa depan remaja terbabit. Tabiat melepak juga boleh menyebabkan seseorang itu terdorong untuk melakukan sesuatu yang lebih buruk seperti meminum minuman keras, mengikuti perlumbaan motosikal secara haram, dan sebagainya. Keadaan ini berlaku kerana golongan remaja yang melepak biasanya akan turut merancang untuk melakukan sesuatu yang akan mendatangkan keseronokan. Menurut keterangan pihak polis, kebanyakan kes perlumbaan motosikal secara haram bermula dengan melepak secara berkumpulan di sesuatu tempat. Setelah lewat tengah malam kumpulan yang melepak tersebut akan memulakan perlumbaan haram itu. Situasi seperti ini akan menyebabkan runtuhnya akhlak di kalangan remaja dan jika dibiarkan, lebih ramai remaja yang akan terjebak dalam aktiviti yang boleh meruntuhkan akhlak.

Komunikasi sering berlaku antara individu dengan individu yang lain. Dalam institusi kekeluargaan, komunikasi menjadi elemen penting dalam perhubungan dan kemesraan dalam keluarga. Tetapi, sekiranya remaja suka melepak dan kurang meluangkan waktu di rumah, perhubungan mereka dengan ahli keluarga akan terbatas. Ibu bapa pula terlalu sibuk bekerja tanpa menghiraukan anak-anak. Apabila remaja jarang berhubung dengan keluarga, mereka berasa bebas untuk melakukan sesuatu mengikut kemahuan. Mereka juga cenderung untuk melalui kehidupan mengikut gaya hidup barat yang moden. Perlakuan remaja tersebut akan menyebabkan kekecewaan terhadap ibu bapa dan mereka akan berasa gagal mendidik anak menjadi insan yang berdisiplin dan bermoral.